

# UMS-UKM meterai LoI, anjur bengkel bersama tingkat penerbitan berimpak tinggi

## UB 26.02.2022 P.06

UNIVERSITI Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) telah mengadakan kolaboratif bersama FSSK Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam usaha meningkatkan penerbitan berimpak tinggi oleh ahli akademik kedua-dua universiti.

Kolaboratif tersebut dimeterai dalam satu Majlis Menandatangani Surat Niat (LoI) bersempena Bengkel Perwasitan Artikel Jurnal (Q1-Q4) anjuran bersama kedua-dua universiti di Hotel Promenade, Kota Kinabalu baru-baru ini.

UKM diwakili Dekan FSSK, Prof. Dr. Hazita Azman menandatangani LoI tersebut, manakala UMS diwakili oleh Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) FSSK, Dr. Syahruddin Ahmad yang mewakili Dekan FSSK, Prof. Madya Dr. Asmady Idris.

Hazita ketika berucap sempena majlis tersebut berkata, jalinan kolaboratif ini sekali gus membantu kedua-dua universiti untuk memenuhi sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA) sepihak dituntut oleh Kementerian Pengajian Tinggi ke atas semua Universiti Awam.

"Kolaboratif ini juga akan membuka peluang untuk kerjasama yang erat dalam



**AMANAT:** Prof. Dr. Hazita Azman menyampaikan ucapan sempena Majlis Menandatangani LoI antara UMS dan UKM.

penyelidikan serantau Asia Tenggara berkaitan Geopolitik, Keselamatan Sempadan Antarabangsa Malaysia, data kebangsaan berkaitan COVID-19, dan kajian Impak Bencana Alam.

"Ini juga akan membawa

kepada peluang untuk kedua-dua fakulti mengadakan persidangan flagship bertaraf antarabangsa kelak," katanya.

Beliau menambah, pengendalian Bengkel Perwasitan Artikel Jurnal (Q1-Q4) juga



**KOLABORATIF:** Prof. Dr. Hazita Azman dan Dr. Syahruddin Ahmad masing-masing mewakili UKM dan UMS menandatangani dokument hasilrat untuk mengadakan kolaboratif.

merupakan satu daripada aktiviti kerjasama yang telah membawa kepada LoI tersebut dan juga Memorandum Persefahaman (MoU) yang bakal ditandatangani UKM Kampus Bangi dalam masa terdekat.

"Besarlah harapan hasil dari bengkel yang dijalankan ini akan menyaksikan peningkatan bilangan penerbitan berimpak tinggi dalam kalangan penyiaran-pensyurah yang terlibat bukan sahaja dari UKM dan UMS tetapi juga UA lain yang turut menyertai bengkel ini," kata Hazita.

Dalam pada itu, Asmady ketika berucap secara dalam talian pada majlis tersebut berkata, kerjasama yang dijalin itu diharap dapat membantu pensyarah FSSK UMS khususnya untuk menempatkan artikel mereka dalam jurnal berimpak tinggi.

"Kita juga berharap agar melalui kolaboratif ini dapat meningkatkan bilangan sushti kedua-dua pihak," ujar Asmady.

Seramai 60 peserta dari UKM, UMS, Universiti Utara Malaysia, Universiti Sultan

Zainal Abidin dan Universiti Malaysia Kelantan telah menyertai bengkel selama empat hari yang turut diadakan secara maya.

Perbincangan kedua-dua wakil universiti juga menghasilkan satu deklarasi bagi kolaborasi dalam 10 kluster sub-penelitian, iaitu dalam bidang ekonomi, sosial aktifiti, persekitaran, pemetaan, keselamatan, struktur politik, pelancongan, kewarganegaraan, perubahan iklim, dan pengurusan bencana.

Hadir sama pada maj-

lis tersebut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul; Ketua Penyelidik Kajian Forensik Sosio-Elektoral, Pembangunan dan Persekutuan FSSK UKM, Prof. Dr. Mohd Fuzad Mat Jali; Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi FSSK UKM, Prof. Madya Dr. Kadruddin Aiyub; dan Timbalan Penguruh (Komunikasi Korporat) Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat UMS, Dr. Norhuda Salleh.